

# HSSE

BULETIN

ISU 26

## PERUBAHAN IKLIM



**ALAM SEKITAR**  
MS | 2  
PERUBAHAN IKLIM



**KESIHATAN PEKERJAAN**  
MS | 4  
KAWALAN BUNYI BISING DI TEMPAT KERJA



**KESELAMATAN PEKERJAAN**  
MS | 5  
MENANGANI HAZAD BIOLOGI



## Perubahan Iklim

Perubahan iklim adalah perubahan jangka panjang dalam cuaca bumi, terutamanya peningkatan suhu atmosfera bumi. Perubahan iklim disebabkan oleh aktiviti manusia, terutamanya pembakaran bahan api fosil seperti arang batu, gas asli dan minyak. Pembakaran ini menghasilkan gas rumah hijau seperti karbon dioksida (CO<sub>2</sub>), metana (CH<sub>4</sub>) dan nitrogen dioksida (NO<sub>2</sub>) yang menjerat haba di atmosfera dan menyebabkan pemanasan global.

### Kesan Perubahan Iklim

Perubahan iklim mempunyai kesan yang besar kepada manusia dan alam sekitar. Antara kesan-kesan perubahan iklim adalah:

#### 1. Peningkatan suhu permukaan bumi



- Gelombang haba akan lebih kerap berlaku dan melampau.
- Kesan buruk kepada kesihatan manusia iaitu dehidrasi, keletihan haba, strok haba dan kematian.

#### 2. Perubahan corak hujan menyebabkan kemarau dan banjir






- Terjadinya kemarau dan banjir yang lebih kerap dan lebih teruk di beberapa kawasan.
- Boleh menjejaskan bekalan air, tanah, tanaman dan haiwan, kerosakan harta benda, penyakit berjangkit, kehilangan nyawa dan migrasi paksa.

#### 3. Peningkatan keamatan ribut tropika



- Terjadinya angin kencang yang berputar di sekitar pusat tekanan rendah dan membawa hujan lebat.
- Menyebabkan hujan lebat, banjir, tanah runtuh, gelombang tinggi dan ombak badai yang boleh menjejaskan aktiviti ekonomi seperti pertanian, perikanan, pelancongan dan pengangkutan.



Bandar pesisiran pantai akan paling terjejas akibat kenaikan paras laut dan perubahan iklim. Peta di atas menunjukkan bandar-bandar utama yang berisiko ditenggelami air laut menjelang tahun 2050.

Sumber data: <https://coastal.climatecentral.org/>

## Bagaimana Kita Dapat Membantu Mengurangkan Kesan Perubahan Iklim?

Perubahan iklim adalah isu global yang memerlukan tindakan bersama dari semua pihak. Kerajaan, organisasi korporat dan individu boleh memainkan peranan dalam memerangi perubahan iklim dengan cara-cara berikut:



Mengurangkan penggunaan bahan api fosil



Meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti hidroelektrik, solar dan biojisim.



Menanam pokok



Menjimatkan penggunaan sumber semula jadi seperti air, elektrik, makanan dan kertas.



Mengamalkan konsep 3R (Reuse, Recycle, Reduce) atau amalan kitar semula.

Pihak pengurusan UMW amat mengambil berat tentang kelestarian syarikat dan impak aktiviti Kumpulan UMW terhadap perubahan iklim. Untuk itu, pengurusan UMW memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti berikut bagi mencapai operasi yang lestari:



### *UMW Green Shoots Initiative (UGI)*

Tujuan - mengimbangi keluaran karbon (carbon offset) yang terhasil akibat aktiviti perniagaan kumpulan.

### *War on Waste*

Tujuan - memupuk budaya mengurangkan penggunaan kertas dan sumber alam semulajadi ke dalam setiap individu WOWriors.

### *UMW Environmental Action Plan (UEAP)*

Tujuan - menambahbaik operasi syarikat agar menjadi lebih lestari dan pendedahan data lebih telus.

Perubahan iklim adalah cabaran besar yang mengancam masa depan generasi sekarang dan akan datang. Oleh itu, kita perlu bertindak segera dan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan punca dan mengurangkan kesannya sebelum terlambat.

# Kawalan Bunyi Bising di Tempat Kerja

## Risiko Pendedahan Bunyi Bising Kepada Pekerja

Masalah pendengaran boleh terjadi sekiranya kita terdedah pada bunyi bising pada jangka masa yang lama atau tahap bunyi berlebihan seperti bunyi mesin atau jentera di tempat kerja. Jika seseorang terdedah kepada bunyi bising di tempat kerja dalam masa singkat tidak menjadi ancaman kepada deria pendengaran. Kerosakan pada deria pendengaran seperti tinnitus juga boleh berlaku. Antara simptom yang akan dihadapi ialah bunyi mengaum, berdesing, berwisel dan bunyi berdesit.



## Tanggungjawab Majikan & Pekerja Yang Terdedah Kepada Bunyi Bising di Tempat Kerja

### A. Tanggungjawab Majikan



Majikan wajib mengenal pasti semua pekerja yang berkemungkinan terdedah kepada bunyi bising di tempat kerja dan perlu melakukan penaksiran risiko bunyi bising dengan melantik penaksir risiko bising.



Majikan perlu memastikan bahawa pekerja di bawah selian tidak terdedah kepada:

- a) Paras pendedahan bising harian melebihi 85dB(A) atau dos bising diri harian melebihi seratus peratus;
- b) Paras tekanan bunyi maksimum melebihi 115dB(A) pada bila-bila masa;
- c) Paras tekanan bunyi puncak melebihi 140dB(C).



Selain itu, menjadi tanggungjawab majikan memberi maklumat yang mencukupi berkaitan kesan pendedahan bunyi bising di tempat kerja.



Alat perlindungan diri perlulah diberikan kepada pekerja dan latihan penggunaan alat tersebut perlu dilaksanakan dan direkodkan.



Sekiranya perlu, ujian pendengaran (ujian audiometric) perlulah dilakukan bagi mengukur kadar pendengaran pekerja. Pihak majikan juga perlu untuk melaksanakan langkah kawalan bagi mengurangkan bunyi bising di tempat kerja.

### B. Tanggungjawab Pekerja

Pekerja wajib untuk mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan di tempat kerja.



Menggunakan alat perlindungan telinga ketika bekerja di tempat yang bising.



Mematuhi semua prosedur keselamatan yang ditetapkan di tempat kerja.



Menerima latihan tentang cara menghadapi kebisingan di tempat kerja.



Menghindari untuk menetap terlalu lama di kawasan yang berisiko tinggi dan memastikan pekerja memiliki peralatan perlindungan diri yang sesuai.



## Pengajaran Daripada Kejadian Kemalangan

### Butir-butir Kejadian

Kejadian berlaku ketika mangsa sedang melakukan kerja-kerja penukaran tayar BT LPE200 Forklift di tempat pelanggan. Mangsa menggunakan jek untuk mengangkat Forklift dan menggunakan blok kayu untuk menahan di bahagian bawah Forklift. Ketika mangsa sedang mengetuk aci roda, Forklift tersebut hilangimbangan lalu menghempap tangan kiri mangsa. Mangsa meminta tolong untuk mengalihkan Forklift tersebut dan menyebabkan bengkak pada jari mangsa. Setelah mendapatkan rawatan di Qualitas Health Kumpulan Medic di Shah Alam dan membuat sinar-X, doktor mendapati ada keretakan pada jari mangsa.

### Tarikh Kemalangan


25 Julai 2023

### Bilangan Hilang Hari Bekerja

19 hari

### Langkah Pembaikan

1. Mengendalikan semakan semula untuk alat pembaikan & penyelenggaraan di lokasi pelanggan.
2. Memeriksa semua HIARO bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan.
3. Memberi taklimat kepada juruteknik dan kontraktor berkaitan dengan insiden ini.
4. Menyampaikan maklumat mengenai kejadian kemalangan kepada semua kakitangan, termasuk pejabat pusat dan cawangan.



## HAZAD BIOLOGI

### Apakah itu Pertussis (Batuk Kokol)?

Batuk kokol atau sering disebut sebagai “whooping cough” dalam Bahasa Inggeris, adalah penyakit yang disebabkan oleh bakteria Bordetella Pertussis. Penyakit ini menular melalui titisan air yang tersebar ke udara jika seseorang yang telah dijangkiti batuk dan bersin. Batuk kokol boleh menjangkiti semua golongan tanpa mengira usia. Namun, bayi berusia bawah 6 bulan merupakan golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti.

#### Tanda dan Gejala



Selesema dan bersin



Batuk teruk yang berpanjangan




Kesukaran bernafas



Muka kemerahan dan kebiruan ketika serangan batuk




Muntah serta keletihan akibat batuk yang teruk



#### Komplikasi

- Pneumonia (Radang Paru-Paru)
- Apnea (Berhenti Nafas Seketika)
- Sawan
- Kematian



### Haiwan Liar (Anjing / Tebuan)

Haiwan liar seperti anjing dan kehadiran lebah di tempat kerja boleh menimbulkan cabaran keselamatan dan kesihatan. Memahami cara mengendalikan kehadiran haiwan liar di tempat kerja adalah penting untuk memastikan persekitaran yang selamat dan produktif bagi pekerja.

#### Anjing

- Jangan cuba mendekati atau sengaja mendekati anjing liar.
- Laporkan kepada pihak pengurusan di tempat kerja sekiranya anjing liar menjadi ancaman.
- Laporkan pada pihak berkuasa tempatan untuk menangani situasi tersebut.



#### Tebuan

- Laporkan kepada pihak pengurusan jika terdapat sarang tebuan di tempat kerja.
- Jangan mendekati atau cuba mengganggu sarang tebuan.
- Jika terkena sengatan, segera dapatkan pertolongan perubatan atau rujuk kepada profesional perubatan.





## Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja

### Pengurusan Kontraktor

Kontraktor memainkan peranan utama dalam projek-projek kompleks, tetapi juga membawa risiko tinggi kepada keselamatan dan kesihatan semua pihak. Oleh itu, pengurusan kontraktor yang efisien adalah penting untuk menjamin keselamatan semua yang terlibat.

Salah satu alat pengurusan keselamatan kontraktor di tapak adalah Permit to Work (PTW). PTW adalah dokumen rasmi yang membenarkan kontraktor menjalankan kerja berisiko tinggi di tapak. PTW menetapkan syarat keselamatan yang mesti dipatuhi oleh kontraktor sepanjang kerja, dengan pengesahan pihak berkuasa yang bertanggungjawab.

Tujuan PTW adalah mengenal pasti bahaya, menilai risiko, mengambil tindakan pencegahan, memastikan komunikasi yang jelas, dan memantau prestasi keselamatan kontraktor.

Di Kumpulan UMW, pengurusan kontraktor adalah seperti carta alir berikut:



#### Garis panduan bagi permit issuer dan approver:

Untuk memudahkan urusan pengesahan, PTW hendaklah dipohon sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum kontraktor mula bekerja.

Bagi kerja-kerja berisiko tinggi, elakkan kontraktor daripada bekerja di luar waktu pejabat seperti, selepas jam 6.00 petang, hujung minggu, atau cuti umum. Ini bagi memudahkan pemantauan kontraktor.

Pemantauan rapi kontraktor hendaklah dijalankan oleh pegawai UMW yang bertugas.

Sekiranya terdapat keadaan bahaya, setiap WOWriors berhak menghentikan tugas (stop work order) bagi menjamin keselamatan dan kesihatan secepat.

Nota: Aplikasi PTW mungkin berbeza dari subsidiari ke subsidiari yang lain. Sila rujuk pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan setempat.



Kerja Panas (Hot work)




Kerja Pendawaian Elektrik



Kerja di Tempat Tinggi




Kerja dalam Ruang Terkandung



## Fungsi 'Flood Emergency Center' (FEC) di SafeUhub

FEC iaitu Flood Emergency Center (FEC) adalah satu fungsi baharu dalam Aplikasi SafeUhub yang diadakan khas untuk digunakan sewaktu musim banjir. Tujuan FEC ini adalah untuk mengetahui keadaan semasa WOWriors yang terlibat dan terjejas akibat banjir. Ia juga merupakan satu inisiatif dari pihak UMW bagi menyalurkan bantuan khas kepada semua WOWriors yang terjejas.

Data – data WOWriors yang terlibat dengan banjir akan dimasukkan dalam FEC oleh “Admin” setiap anak syarikat UMW.



Semua data dan status keadaan WOWriors yang terjejas akan dipaparkan dalam “HSSE Dashboard” yang hanya dapat dilihat oleh Pihak Pengurusan Tertinggi UMW sahaja.

## PETUNJUK

“Total Affected Staff”	: Bilangan WOWriors yang terlibat banjir	“Alert”	: WOWriors yang terperangkap dalam kawasan banjir atau rumah sudah mula dinaiki air
“Total Active Cases”	: Jumlah kes yang masih aktif	“Warning”	: WOWriors yang mendapat arahan dari Pihak Berkuasa untuk berpindah tetapi belum mendapat sebarang bantuan
“Safely Evacuated”	: WOWriors yang mendapat arahan dari Pihak Berkuasa untuk berpindah dan selamat dipindahkan	“Return Home Safely”	: WOWriors yang sudah selamat dari keadaan banjir atau sudah pulang ke rumah dari pusat pemindahan
“Alert”	: WOWriors yang terperangkap dalam kawasan banjir atau rumah sudah mula dinaiki air		

## Tips Penjagaan Pengelap Cermin Kenderaan

Pengelap cermin kereta merupakan salah satu komponen penting yang membantu menghilangkan sisa air hujan, kotoran-kotoran lain seperti debu dan habuk serta bendasing lain.

Ia berfungsi meningkatkan tahap kebolehlihatan terutamanya semasa pemanduan dalam hujan. Menurut Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Zulkefly Yahya, kadar kes kemalangan meningkat semasa keadaan cuaca buruk seperti hujan lebat.

### Kelebihan Pengelap Cermin Kereta Silikon

1. Tidak mudah koyak, haus, rosak atau melekat pada cermin.
2. Lebih mesra alam dan lebih tahan lama.
3. Sapuan air lebih baik, menyeluruh.
4. Cermin tidak mudah kabur terutamanya semasa hujan lebat.
5. Pergerakan pengelap cermin kereta lebih lancar.
6. Menjimatkan kos, tidak memerlukan penyelenggaraan yang kerap.

### Tukar Pengelap Cermin Kereta Sekiranya Terdapat Tanda-tanda Ini

1. Pengelap Cermin Kereta Bergoyang atau Bergetar Secara Berlebihan
2. Ada Tinggalan Sisa Air pada Cermin
3. Ada Bunyi Semasa Pengelap Cermin Kereta Digunakan







PELAKSANAAN SWeT  
DI UMW INDUSTRIES (1985), IPOH  
18 JULAI 2023



HARI HSSE  
DI UMW EQUIPMENT DIVISION,  
SERENDAH  
26 JULAI 2023



UEAP AUDIT  
DI UMW LUBETECH SDN BHD  
4 OGOS 2023



PELAKSANAAN SWeT  
DI UMW KUANTAN  
8 OGOS 2023



TINJUAN PETA KESELAMATAN JALAN RAYA  
DI UMW LUBETECH, SERENDAH  
22-24 OGOS 2023



AUDIT PEMATUHAN STATUTORI  
DI KYB-UMW MALAYSIA SDN BHD  
28 OGOS 2023



LATIHAN PENGGUNAAN  
AUTOMATED EXTERNAL  
DEFIBRILLATOR (AED)  
6 SEPTEMBER 2023



LATIHAN ENVIRONMENTAL LEGAL  
REQUIREMENT AND ENVIRONMENTAL  
ASPECT IMPACT  
14-15 SEPTEMBER 2023



PELAKSANAAN SWeT  
DI UMW BUKIT MINYAK, PENANG DAN  
UMW EQUIPMENT, IPOH  
21-22 SEPTEMBER 2023



UEAP AUDIT  
DI KYB-UMW MALAYSIA SDN BHD  
13 OKTOBER 2023



LAWATAN KE PENTAS FLORA SDN BHD,  
PENTAS FLORA (PLANT) BANTING  
20 OKTOBER 2023



AUDIT BAGI ANUGERAH  
KECEMERLANGAN KEBANGSAAN  
(OSH PRINCIPLE OF PREVENTION 2023)  
OLEH MiSHA  
7 NOVEMBER 2023